

SENTRAL

Tawar buffet BBQ hanya RM75

Lebih 50 menu, 25 jenis sos istimewa menanti pengunjung



Chef sedang menyediakan makanan Jepun di Restoran Yuri Japanese Klana Resort Seremban.

■ SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN – Coffee Selera House Klana Resort Seremban, kini menyediakan buffet BBQ makanan laut (Seafood and Grill) pada harga RM75 sahaja setiap Sabtu, bermula 7 malam.


Pengunjung jangan lepaskan peluang untuk mencuba buffet menu ini kerana ia pasti akan membuatkan anda tersenyum lebar, dengan penyediaan lebih 50 menu.

Menawarkan bahan-bahan yang baru dan segar, pengunjung pasti akan berpuas hati dengan kelazatan makanan istimewa yang disediakan sendiri oleh Chef Makanan Barat (Western Chef), Shanmuganathan bersama kakitangannya.

Kelainan yang ada di buffet BBQ makanan laut ini bukan hanya kepada keenakan rasanya sahaja, tetapi turut menghidangkan 25 jenis sos merupakan kekuatan utama bagi menarik orang ramai berkunjung ke Coffee Selera House Klana Resort Seremban.

Kesemua sos disediakan adalah resipi khas hotel, yang diilhamkan sendiri oleh Pengurus Besar Klana Resort Seremban, Mohd Yazid Mustafa.

Hasil pengalamannya bekerja di luar negara, banyak



Antara menu makanan jepun yang disediakan.



Bahan segar yang disediakan di Coffee Selera House Klana Resort Seremban.

membantu dari segi penyediaan sos yang bermutu tinggi, selain sos lada hitam dan cendawan yang begitu istimewa.

Antara sos yang menjadi 'killer' di buffet ini adalah Hot Cocos yang berasal dari Mexico diilhamkan sendiri Mohd Yazid, selain sos Green Stamp, Mexicans Lobos, Coke and Pop dan Sawadee Krab dari Thailand.

Hanya mereka yang berkunjung ke Klana Resort sahaja yang boleh menikmati keenakan serta kelainan sos yang ada di sini, kerana ia tidak boleh didapati di mana-mana.

Selain itu, di Restoran Yuri Japanese Klana Resort Seremban pula, lebih 50 menu buffet boleh dinikmati bermula jam 11.30 tengahari sehingga 4 petang, setiap hari Ahad sahaja.